

madah kita

A newsletter for Customers, Business Partners and Employees
Berita untuk Pelanggan, Rakan Perniagaan dan Pekerja

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)

July - December 2020

Trienekens Goes Digital : Embracing The New Normal



A Sustainable Journey With
Digital Transformation



Group CEO's Message

Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

Salam sejahtera!

I think it is safe to say that everyone's biggest challenge in 2020 has been dealing with the global COVID-19 pandemic. The pandemic has rapidly changed the way things work, but thankfully, our team at Trienekens had quickly adapted to, and embraced the "new normal" with our previous efforts on digital transformation helping to provide a framework for speed, cost efficiency and organisational change to remain ahead of the curve.

One of our core business strategies is to accelerate the company's digital transformation with particular focus on the workforce. Besides conducting training programmes online and via our self-learning mobile app iLMU, the company has also been conducting education and environmental awareness programmes online. Since the pandemic, iLMU has become invaluable for us as it allows us to easily engage continuously with our team members and seamlessly conduct our planned training and awareness programmes without having close physical contact. Our annual HSE Week was also conducted online, involving health, safety and environment awareness programmes for team members on various digital platforms.

To better connect with members of the public and address their waste management needs, we also introduced the Trienekens Customer Care app in July 2020, followed by an official launch in early November. Held virtually via the company's official Facebook page, the development of the app was part of our strategic plan to spearhead technological innovation with aims to continuously improve waste management services for the public in support of Sarawak's digital and sustainability goals.

While it is almost certain that the scars of the global pandemic will remain in the coming year, it is my sincere hope that the Trienekens team will continue to embrace and practise the "new normal" – paying close attention at all times to personal hygiene; welcoming digital development; not being afraid to learn how to use new technologies, and of course, looking out for one another.

Going forward, I hope that the Trienekens Group will be able to consolidate our position further by having improved operational efficiencies through our digital transformation exercise, and that the economy will continue to grow as we strive to embody being stewards of the environment.

Happy New Year 2021!

Salam sejahtera!

Saya berpendapat adalah wajar untuk mengatakan bahawa cabaran terbesar bagi setiap orang pada tahun 2020 adalah menangani pandemik global COVID-19. Pandemik ini dengan pantasnya telah mengubah tatacara kerja, tetapi syukurlah, pasukan kami di Trienekens cepat menyesuaikan diri dan menerapkan "norma baharu" dalam usaha kami ke arah transformasi digital, dengan menyediakan sebuah kerangka kerja untuk kepentasan, kecekapan kos dan perubahan organisasi terus kekal berada di hadapan.

Salah satu daripada strategi perniagaan kami adalah untuk mempercepatkan transformasi digital syarikat dengan tumpuan khusus kepada tenaga kerja. Selain menjalani program latihan dalam talian dan melalui aplikasi pembelajaran kendiri mudah alih iLMU, syarikat juga telah menjalankan program pendidikan serta kesedaran alam sekitar secara dalam talian. Semenjak tercetusnya pandemik, iLMU telah menjadi sangat bernilai kepada kami kerana ia membolehkan kami untuk terus berinteraksi dengan ahli-ahli pasukan serta menjalankan program latihan dan kesedaran yang dirancang dengan lancar tanpa ada hubungan fizikal yang rapat. Minggu HSE tahunan kami juga dianjurkan secara dalam talian, melibatkan program kesedaran kesihatan, keselamatan dan alam sekitar untuk ahli-ahli pasukan melalui pelbagai platform digital.

Bagi menambah baik hubungan dengan orang ramai dan menangani keperluan pengurusan sisa mereka, kita juga telah memperkenalkan aplikasi Trienekens Customer Care pada Julai 2020, diikuti dengan pelancaran rasmi pada awal November. Diadakan secara virtual melalui laman rasmi Facebook syarikat, pembangunan aplikasi ini merupakan sebahagian daripada perancangan strategik kami untuk menerajui inovasi teknologi yang bertujuan meningkatkan perkhidmatan pengurusan sisa untuk orang ramai disamping menyokong matlamat digital dan kemampuan Sarawak.

Walaupun hampir pasti bahawa kesan pandemik global ini akan tetap terus ada sehingga ke tahun yang mendatang, saya sangat berharap agar ahli-ahli pasukan Trienekens akan terus menerapkan dan mempraktikkan amalan "norma baharu" – dengan memberi perhatian khusus kepada kebersihan diri sepanjang masa; mengalu-alukan pembangunan digital; tidak takut untuk belajar menggunakan teknologi baharu, dan tentu sahaja, saling menjaga antara satu sama lain.

Sambil kita bergerak ke hadapan, saya berharap agar Kumpulan Trienekens akan terus mampu untuk mengukuhkan kedudukan kita supaya jauh lebih baik dengan memiliki kecekapan operasi yang telah ditambah baik melalui amalan transformasi digital kita, agar ekonomi akan terus berkembang di saat kita berusaha untuk menjaga alam sekitar.

Selamat Tahun Baru 2021!

CONTENTS / KANDUNGAN

Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- | | |
|---|----|
| • Trienekens Officially Launches Customer Service Mobile Application
<i>Trienekens Rasmikan Aplikasi Perkhidmatan Pelanggan Mudah Alih</i> | 02 |
| • Collaborative Partnerships Amidst The Pandemic
<i>Usahasama Perkongsian Di Tengah Pandemik</i> | 06 |

HSE

- | | |
|--|----|
| • Trienekens' HSE Week Calls For Team Members To Stay Together by Staying Apart
<i>Minggu HSE Trienekens Galak Pasukan Kekal Bersama Dengan Menjaga Jarak</i> | 09 |
| • Ready To Respond
<i>Sedia Bertindak</i> | 12 |

Special Feature / Rencana Khas

- | | |
|---|----|
| • Corporate Social Responsibility (CSR) During The Pandemic
<i>Tanggungjawab Sosial Korporat Semasa Pandemik</i> | 13 |
|---|----|

Our People / Rakan Sekerja Kita

- | | |
|---|----|
| • Employees Of The Year 2020
<i>Pekerja-pekerja Cemerlang Tahun 2020</i> | 18 |
| • New Team Members / Tenaga Kerja Baru | 20 |
| • Promotions / Kenaikan Pangkat | 20 |

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

21

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:

Katherine Kong

Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:

Julan Yu Abit

Janet J. Balong

Julius Salok Kassy

Contributors / Penyumbang:

Anthea Lee

Anthea Thomas

Clare Kho

Dayang Sherrynazra

Deanna Michele Bain

Marilyn Martin



Trienekens Officially Launches Customer Service Mobile Application

Trienekens Rasmiakan Aplikasi Perkhidmatan Pelanggan Mudah Alih



• Trienekens Customer Care app was digitally launched on the company's Facebook business page in November 2020. Speaking at the event were (clockwise, from top): Minister for Local Government and Housing Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian; Trienekens Group CEO, Stephen Chin; Padawan Municipal Council (MPP) Chairman, YB Ir. Lo Khere Chiang; Serian District Council (MDS) Chairman, Lim Hock Meng; Commission of the City of Kuching North (DBKU) Mayor, Datu Junaidi bin Haji Reduan; Sarawak State Secretary and Chairman of Sarawak Wastes Management Sdn Bhd (SWM), YB Datuk Amar Jaul Samion; and Kuching South City Council (MBKS) Mayor, Dato Wee Hong Seng.

Aplikasi "Trienekens Customer Care" telah dilancarkan secara digital melalui laman rasmi perniagaan Facebook syarikat pada November 2020. Berucap dalam acara itu (ikut arah jam, dari atas): Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin; Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan (MPP), YB Ir. Lo Khere Chiang; Pengerusi Majlis Daerah Serian (MDS), Lim Hock Meng; Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Datu Junaidi bin Haji Reduan; Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Pengerusi Sarawak Waste Management Sdn Bhd (SWM), YB Datuk Amar Jaul Samion; dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Dato Wee Hong Seng.

In November 2020, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd officially launched its waste management mobile application, “Trienekens Customer Care” app to better connect with members of the public and address their waste management needs. The development of the app is part of the company’s strategic plan to spearhead technological innovation and aims to continuously improve waste management services for the public, in support of Sarawak’s digital and sustainability goals.

A platform that enables communities within the jurisdiction of Commission of the City of Kuching North (DBKU), Kuching South City Council (MBKS), Padawan Municipal Council (MPP) and certain areas under Serian District Council (MDS) to share their feedback and queries relating to Trienekens’ services with ease; the application was first introduced on 15 July 2020.

The official launch, which was held virtually via the company’s official Facebook page, showcased messages from Sarawak State Secretary and Chairman of Sarawak Wastes Management Sdn Bhd (SWM), YB Datuk Amar Jaul Samion; Minister for Local Government and Housing Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian; as well from local Councils DBKU, MBKS, MPP and MDS.

Trienekens Group CEO, Stephen Chin who hosted the virtual event, said in his opening address that the pioneering system of waste management in Sarawak by the appointed operating company Trienekens was due to the far-sightedness of the Sarawak State Government 20 years ago and consisted not only of waste management systems and infrastructures but a commitment to be a true custodian of the environment of future generations. He added, *“The Trienekens Group collectively with Sarawak Wastes Management Sdn Bhd; a Sarawak Government-linked company, are constantly evolving and advocating the evolution of technology and change. Our dedication to quality and customer service is clear – as indeed we pride ourselves as a people-centric business that prioritises innovation, customer care, people development, health, safety and environment. It is with this in mind that we are launching today, our Trienekens’ Customer Care mobile app. We sincerely hope that this app will become a valuable tool for all in the community and over time we will add more features to the app to allow us to focus on a seamless integration of environmental stewardship with the community at large and of course, our future generation. I would like to thank all who have helped us in this digital journey, culminating in the launching of Trienekens’ Customer Care app today.”*

Meanwhile, Sarawak State Secretary and Chairman of Sarawak Wastes Management Sdn Bhd (SWM) YB Datuk Amar Jaul Samion congratulated Trienekens on the introduction of the app. He said, *“In this era of digital technology, we are increasing reliant on interconnectivity and information flow through various modern means. This has created new potentials for all industries, including the environmental and waste management sector.*

Trienekens’ Customer Care mobile app is an original and innovative way that will change the way we apply “best practices” of waste management, in line with the Sarawak Government’s Digital Economy Development Plan. With the app, I also hope users will take the opportunity to share inspiring ideas, innovative solutions, and suggestions with Trienekens to better manage our waste and care for our environment together.”

Featured guest, Minister for Local Government and Housing Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian highlighted how proper waste management is crucial especially when facing the COVID-19 pandemic. He thanked the local councils and Trienekens for cooperating during the pandemic, adding, *“COVID-19 has brought up new norms and ways to address waste management issues such as collection of rubbish and so on, and I want to congratulate Trienekens for taking the initiative to introduce a mobile app which allows us (the public) access to lodging complaints or any waste management issues you have without running around.”*

He further encouraged Sarawakians, especially in areas serviced by Trienekens to embrace the new technology to make the city (Kuching) a great city despite the pandemic saying, *“This app is another way of communicating, another hotline to use. Congratulations to Trienekens for this innovation, in line with the Sarawak Government’s initiative on digital economy.”*

Speaking on behalf of Commission of the City of Kuching North (DBKU), Mayor Datu Junaidi bin Haji Reduan encouraged those staying in the DBKU area to download the app. He stressed, *“This would enable Trienekens to have more effective feedback as well as to better monitor waste collection services. This mobile app is a very convenient and effective way to address waste management needs. DBKU will continue to work with Trienekens to maintain the highest level of cleanliness in our beautiful city Kuching.”*

Kuching South City Council (MBKS) Mayor Dato Wee Hong Seng congratulated the company on the app’s launch saying, *“Trienekens customer care app is recommended as part of the city’s long term waste management strategy, and in support of Sarawak’s digital and sustainability goals. The app makes it easier for residents to explore and access the waste management services available.”*

Meanwhile, YB Ir. Lo Khere Chiang, Chairman for Majlis Perbandaran Padawan advised the public on the need to understand the consequences of improper management of waste and how it will ultimately form a serious threat to lives and well-being. He expressed his hope that with the launch of Trienekens’ new app, it (the app) would ultimately be able to cultivate better public awareness and help Trienekens to deliver improved waste management services on cleanliness as well as the proper treatment and disposal of waste.

In congratulating Trienekens for developing the application, Chairman for Serian District Council (MDS), Lim Hock Meng said he believed the general public could use the app to find useful information with ease, adding he was confident that Trienekens' services in the Serian district would improve, fulfilling the needs and wants of the local residents.

The development of the mobile application is a joint project between the company and Swinburne University of Technology Sarawak Campus, which pledged to support the integration of digital economy and waste management technologies.

Through the app, customers are able to apply for new mobile garbage bins, report lost or damaged bins, lodge complaints, request for RoRo container services for bulky waste, fill the customer satisfaction survey forms, and enquire about other services or request for information.

Scheduled waste generators in the states of Sarawak, Sabah and the Federal Territory of Labuan are able to make use of the following Trienekens Customer Care features; lodging a complaint, filling the customer satisfaction survey forms, or putting in their general enquiries. "Trienekens Customer Care" can be downloaded through Apple's App Store for iOS and Google's Play Store for Android.

Pada November 2020, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd secara rasminya telah melancarkan aplikasi mudah alih pengurusan sisa, "Trienekens Customer Care" bagi menambah baik hubungannya dengan orang ramai dan menangani keperluan pengurusan sisa mereka. Pembangunan aplikasi tersebut adalah sebahagian daripada perancangan strategik syarikat bagi menerajui inovasi teknologi dan bertujuan meningkatkan perkhidmatan pengurusan sisa untuk orang awam, di samping menyokong matlamat digital dan kemampunan Sarawak.


Aplikasi tersebut merupakan satu platform yang membolehkan komuniti di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dan beberapa kawasan tertentu di bawah Majlis Daerah Serian (MDS) untuk berkongsi maklum balas dan pertanyaan berkaitan dengan perkhidmatan Trienekens dengan mudah; aplikasi tersebut mula diperkenalkan pada 15 Julai 2020.

Pelancaran rasmi yang diadakan secara virtual melalui laman rasmi Facebook syarikat, menyiarkan ucapan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Pengerusi Sarawak Waste Management Sdn Bhd (SWM), YB Datuk Amar Jaul Samion; Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian; serta Majlis tempatan DBKU, MBKS, MPP dan MDS.

Dalam ucapan perasmianya, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin yang menjadi penganjur acara secara virtual itu, menyatakan bahawa sistem perintis pengurusan sisa di Sarawak oleh

Trienekens sebagai syarikat pengoperasi yang dilantik, merupakan pandangan jauh Kerajaan Negeri Sarawak 20 tahun yang lalu. Ia bukan sahaja terdiri daripada sistem dan infrastruktur pengurusan sisa tetapi komitmen untuk menjadi penjaga sebenar alam sekitar bagi generasi akan datang. Tambah beliau, "Kumpulan Trienekens secara kolektif bersama Sarawak Wastes Management Sdn Bhd; syarikat yang berkaitan dengan Negeri Sarawak, sentiasa terus berkembang serta menyokong evolusi teknologi dan perubahan. Dedikasi kami kepada kualiti dan perkhidmatan pelanggan amat jelas - kerana kami bangga menjadi perniagaan berpaksikan perihal kemanusiaan yang juga mengutamakan inovasi, penjagaan pelanggan, pembangunan sumber manusia, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. Dengan pemikiran sebegini, maka kami melancarkan aplikasi mudah alih perkhidmatan pelanggan Trienekens pada hari ini. Kami sangat berharap agar aplikasi ini menjadi alat yang bernilai untuk semua masyarakat dan kami akan menambah lebih banyak lagi ciri-ciri aplikasi ini dari semasa ke semasa bagi membolehkan kami memberi tumpuan kepada integrasi pemeliharaan alam sekitar bersama komuniti serta generasi masa hadapan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah membantu kami dalam perjalanan digital ini, yang mana kemuncaknya adalah dengan pelancaran aplikasi perkhidmatan pelanggan Trienekens hari ini."

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Pengerusi Sarawak Wastes Management Sdn Bhd (SWM) YB Datuk Amar Jaul Samion mengucapkan tahniah kepada Trienekens di atas pengenalan aplikasi tersebut. Beliau menyatakan, "Pada era teknologi digital ini, kita semakin bergantung kepada kesalinghubungan dan



aliran maklumat melalui pelbagai kaedah moden. Ini telah mewujudkan potensi baharu untuk semua industri, termasuklah sektor alam sekitar dan pengurusan sisa. Aplikasi mudah alih Perkhidmatan Pelanggan Trienekens merupakan kaedah asli dan inovatif yang bakal mengubah cara kita menerapkan "amalan terbaik" pengurusan sisa, sejajar dengan Pelan Pembangunan Ekonomi Digital Kerajaan Sarawak. Dengan aplikasi ini, saya juga berharap pengguna akan mengambil kesempatan untuk berkongsi inspirasi idea, penyelesaian inovatif serta cadangan kepada Trienekens bagi penambahbaikan pengurusan sisa dan penjagaan alam sekitar kita bersama."

Jemputan khas, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, YB Dato Sri Prof Dr Sim Kui Hian menekankan betapa pentingnya pengurusan sisa yang betul terutamanya ketika menghadapi pandemik COVID-19. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Trienekens yang telah bekerjasama sewaktu pandemik, sambil menambah, "COVID-19 telah menimbulkan beberapa norma baharu dan kepelbagaian dalam menangani masalah pengurusan sisa seperti pungutan sisa dan sebagainya, serta saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Trienekens kerana mengambil inisiatif untuk memperkenalkan aplikasi mudah alih yang membentarkan kami (orang awam) akses kepadanya untuk membuat aduan atau sebarang isu berkenaan masalah pengurusan sisa tanpa perlu bergerak." Beliau mendorong warga Sarawak, terutamanya di kawasan-kawasan perkhidmatan Trienekens untuk menggunakan teknologi baharu ini bagi menjadikan bandaraya (Kuching) sebagai bandaraya yang hebat walaupun sedang dilanda pandemik, sambil menyatakan "Aplikasi ini merupakan langkah alternatif untuk berkomunikasi, satu lagi talian utama untuk dimanfaatkan. Tahniah kepada Trienekens atas inovasi ini, sejajar dengan inisiatif ekonomi digital Kerajaan Sarawak."

Berucap bagi pihak Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Datuk Bandar Kuching Utara Datu Junaidi bin Haji Reduan mendorong mereka yang tinggal di kawasan DBKU untuk memuat turun aplikasi tersebut. Beliau menekankan, "Ini membolehkan Trienekens mendapat maklum balas yang lebih efektif serta memantau perkhidmatan pemungutan sisa dengan lebih baik. Aplikasi mudah alih ini adalah kaedah yang mudah dan berkesan dalam menangani keperluan pengurusan sisa. DBKU akan terus bekerjasama dengan Trienekens untuk mengekalkan tahap kebersihan tertinggi di bandar raya Kuching yang indah."


Datuk Bandar Kuching Selatan (MBKS) Dato Wee Hong Seng mengucapkan tahniah kepada syarikat di atas pelancaran aplikasi tersebut dengan menyatakan, "Aplikasi perkhidmatan pelanggan Trienekens disarankan sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan sisa jangka panjang di bandar raya ini, di samping menyokong matlamat digital dan kemampuan Sarawak. Aplikasi ini memudahkan penduduk untuk meneroka dan mengakses perkhidmatan pengurusan sisa yang ada."

Sementara itu, YB Ir. Lo Khere Chiang, Pengurus Majlis Perbandaran Padawan menasihati masyarakat tentang perlunya memahami kesan pengurusan sisa yang kurang sesuai dan bagaimana ia akhirnya akan menjadi ancaman serius kepada kehidupan dan kesejahteraan awam. Beliau menyatakan harapan bahawa dengan pelancaran aplikasi perkhidmatan pelanggan Trienekens, aplikasi itu akhirnya akan mampu memupuk kesedaran masyarakat serta membantu Trienekens menyediakan perkhidmatan kebersihan serta pengurusan sisa yang lebih baik selain daripada rawatan dan pelupusan sisa yang sesuai.

Dalam ucapan tahniah kepada Trienekens di atas pembangunan aplikasi tersebut, Pengurus Majlis Daerah Serian (MDS), Lim Hock Meng menyatakan beliau percaya masyarakat umum dapat menggunakan aplikasi tersebut untuk mencari maklumat berguna dengan mudah, sambil menambah bahawa beliau yakin perkhidmatan Trienekens di daerah Serian akan ditambah baik bagi memenuhi keperluan dan kehendak penduduk setempat.

Pembangunan aplikasi mudah alih tersebut merupakan projek usaha sama syarikat dengan Universiti Teknologi Swinburne (Kampus Sarawak), yang telah menjamin untuk menyokong integrasi ekonomi digital dan teknologi pengurusan sisa.

Melalui aplikasi tersebut, para pelanggan boleh memohon tong sampah mudah alih yang baru, melaporkan tong sampah yang hilang atau rosak, membuat aduan, memohon kontena RoRo untuk sisa pepejal yang berkuantiti besar, mengisi borang tinjauan kepuasan pelanggan, dan mengajukan pertanyaan mengenai perkhidmatan atau untuk mendapatkan maklumat. Penjana sisa terjadual di negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan boleh menggunakan ciri-ciri aplikasi perkhidmatan pelanggan Trienekens tersebut bagi mengemukakan aduan, mengisi borang tinjauan kepuasan pelanggan, atau mengajukan pertanyaan umum mereka. "Trienekens Customer Care" boleh dimuat turun melalui Apple App Store untuk iOS dan Google Play Store untuk Android.



**Trienekens
Customer Care**

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd

GET IT ON Google Play

Download on the App Store

Collaborative Partnerships Amidst The Pandemic


Usahasama Perkongsian Di Tengah Pandemik

In the span of weeks, the COVID-19 pandemic immobilized entire countries and pushed organisations and institutions worldwide to embrace digital platforms as working alternatives to reduce human contact and further transmission. Trienekens was no exception, with the Group carrying on to fulfil its corporate agenda of joint initiatives with key industry players to share knowledge, raise industry awareness and strengthen future green development. Through initiatives such as audits, information-sharing sessions and other joint programmes, the company hopes to continuously improve its operations and business efficiency.

Dalam masa beberapa minggu, pandemik COVID-19 telah melumpuhkan negara-negara di seluruh dunia, sekali gus mendorong organisasi serta institusi global menggunakan platform digital sebagai alternatif kerja untuk mengurangkan interaksi sesama manusia dan mengurangkan penularan daripada berterusan. Trienekens tidak terkecuali, apabila Kumpulan terus memenuhi agenda korporat dengan mengambil inisiatif bersama pemain industri utama untuk berkongsi pengetahuan, meningkatkan kesedaran industri dan memperkasa pembangunan hijau masa depan. Melalui inisiatif seperti audit, sesi perkongsian maklumat dan program bersama yang lain, syarikat berharap akan terus dapat menambah baik operasi dan kecekapan perniagaan.


“New Normal” Sees Audits Going Online

Norma Baharu Menyaksikan Audit Dijalankan Secara Maya



The ISO 9001:2015 Recertification Audit and ISO 14001:2015 & ISO 45001:2018 Integrated Surveillance Audit was conducted on 1-2 October 2020. These audits were conducted virtually to verify that the management systems are in compliance with the relevant ISO standard and its effectiveness as well as to ensure that actions are taken to meet the objectives set by the company.

Audit Pensijilan Semula ISO 9001: 2015 dan Audit Pengawasan Bersepadu ISO 14001: 2015 & ISO 45001: 2018 telah dijalankan pada 1-2 Oktober 2020. Pengauditan ini telah dilakukan secara maya untuk mengesahkan bahawa sistem pengurusan mematuhi piawaian ISO yang relevan serta keberkesanannya di samping memastikan bahawa tindakan sewajarnya diambil bagi memenuhi objektif yang telah ditetapkan oleh syarikat.



The company's annual environmental compliance audit this year also went online with a virtual audit conducted from 7-8 December 2020 by RPS Consultant Sdn Bhd.

Audit tahunan pematuhan alam sekitar syarikat juga telah dijalankan secara maya oleh RPS Consultant Sdn Bhd dari 7-8 Disember 2020.

Trienekens-Swinburne Collaborate To Drive Digital Transformation Usahasama Trienekens-Swinburne Dalam Memacu Transformasi Digital

Collaboration between companies and institutes of higher education are crucial drivers of innovation economy. These relationships are the foundation of corporate research and development (R&D); from creating the basis for future solutions with early-stage innovation and new ventures strategies, to solving short-term problems and providing essential corporate industrial training for a new generation of talent.

Education and youth development has always been one of Trienekens' key agendas with the company having long established collaborative partnerships with local universities, including Swinburne University of Technology (Sarawak). The company's recent joint projects with Swinburne, sees Trienekens as an industry player working with the university in expanding its digital waste management initiatives, in support of Sarawak's digital and sustainability goals.

One of Trienekens' core business strategies is to accelerate the company's digital transformation with particular focus on the workforce. Trienekens Deputy Group CEO, Elvin Wee explained, *"With the advent of the 4th Industrial Revolution (4IR), it has become more vital than ever to equip business operations and prepare the workforce with new skills and competencies to ensure companies as a whole remain relevant and able to thrive in the digital era. While the global COVID-19 pandemic had rapidly changed the way things work, thankfully, we (Trienekens) quickly adapted to the 'new normal'.*

To better connect with members of the public and address their waste management needs, Trienekens introduced the Trienekens Customer Care app in July 2020, followed by an official launch in early November. The app development was a joint project between the company and Swinburne, which pledged to support the integration of digital economy and waste management technologies.

"Collaboration with Trienekens is one of Swinburne's strategic engagements with industries. Through this collaboration, Swinburne is educating and training new generations of future-ready learners while developing research programmes that help transform industries, shape lives and communities," said Professor Patrick Then, Head of the School of Information and Communication Technologies and Director of Swinburne's Centre for Digital Futures.

Another joint digital initiative undertaken by the two parties which is currently under trial is the development of a Web Portal integrating several of Trienekens' existing logistics systems in one common platform. The portal aims to holistically consolidate the Area Service Management System, Asset Management System and Complaint Management System seamlessly, to ease daily operations with improved efficiency and transparency complemented with cloud documentation and data filing. Other applications under development include a RoRo Container Management system as well as a Premise Security App for all Trienekens' facilities.

Kerjasama antara syarikat dan institusi pengajian tinggi adalah pemacu yang penting kepada inovasi ekonomi. Hubungan seperti ini adalah asas kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) korporat, bermula dengan membina asas untuk penyelesaian masa depan dengan inovasi di peringkat awal dan strategi usaha yang baru, kepada penyelesaian masalah jangka pendek serta penyediaan latihan industri korporat yang penting untuk penghasilan bakat baru.

Pendidikan dan pembangunan belia sentiasa menjadi salah satu agenda utama Trienekens dimana syarikat telah lama menjalin kerjasama dengan universiti tempatan, termasuk Universiti Teknologi Swinburne (Sarawak). Projek usahasama baru ini telah meletakkan Trienekens sebagai pemain industri yang bekerjasama dengan universiti dalam mengembangkan inisiatif pengurusan sisa secara digital, bagi menyokong matlamat digital dan kemampanan Sarawak.

Salah satu strategi utama pembangunan perniagaan Trienekens adalah untuk mempercepatkan transformasi digital syarikat dengan tumpuan yang khusus kepada tenaga kerja. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Elvin Wee menjelaskan, “Dengan kemunculan Revolusi Industri ke-4 (4IR), adalah penting berbanding sebelumnya untuk melengkapi operasi perniagaan serta mempersiapkan tenaga kerja dengan kemahiran dan kecekapan baharu bagi memastikan syarikat secara keseluruhannya kekal relevan dan mampu berkembang maju pada era digital. Walaupun pandemik COVID-19 dengan pantasnya telah mengubah tatacara kerja, syukurlah, kami (Trienekens) dengan cepatnya mampu menyesuaikan diri dengan ‘norma baharu’.

Untuk menambahbaik hubungan dengan orang ramai bagi memenuhi keperluan pengurusan sisa mereka, Trienekens telah memperkenalkan aplikasi Trienekens Customer Care pada bulan Julai 2020, diikuti dengan pelancaran rasmi pada awal November. Pembangunan aplikasi tersebut merupakan projek usahasama antara syarikat dan Swinburne, yang komited untuk menyokong integrasi ekonomi digital dan teknologi pengurusan sisa.

“Kerjasama dengan Trienekens adalah salah satu hubungan strategik Swinburne dengan bidang industri. Melalui kerjasama ini, Swinburne mendidik dan melatih generasi baru pelajar yang bersedia untuk masa hadapan sambil membangunkan program penyelidikan yang boleh membantu mengubah industri, membentuk kehidupan dan masyarakat,” kata Profesor Patrick Then, Ketua Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi merangkap Pengarah Pusat Digital Masa Depan Universiti Swinburne.

Satu lagi Inisiatif digital bersama yang dilakukan oleh kedua-dua pihak yang kini dalam tempoh percubaan adalah pembangunan Portal Web bagi menggabungkan beberapa sistem logistik Trienekens sedia ada ke dalam satu platform yang sama. Portal ini bertujuan untuk menggabungkan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Kawasan, Sistem Pengurusan Aset dan Sistem Pengurusan Aduan secara holistik, bagi memudahkan operasi harian dengan peningkatan kecekapan dan ketelusan yang dilengkapi oleh dokumentasi awan serta pemfailan data. Aplikasi lain yang sedang dibangunkan termasuklah sistem Pengurusan Kontainer RoRo serta Aplikasi Keselamatan Premis untuk semua kemudahan Trienekens.




Trienekens Deputy Group CEO, Elvin Wee (front, centre) and Head of School - Computing & Director - Centre for Digital Future, Professor Patrick Then (front, right) with Swinburne University programme heads and other Trienekens staff.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (depan, tengah) dan Ketua Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi merangkap Pengarah Pusat Digital Masa Depan Universiti Swinburne, Profesor Patrick Then (depan, kanan) bersama ketua program Universiti Swinburne dan kakitangan Trienekens yang lain.

Trienekens' HSE Week Calls For Team Members To Stay Together by Staying Apart

Minggu HSE Trienekens Galak Pasukan Kekal Bersama Dengan Menjaga Jarak



